



## "KELUARGA BEBAS DADAH".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ	3
. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿...﴾	4
<b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</b>  Pada hari yang mulia ini, marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan menjunjung segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan ketaqwaan, kita akan memperoleh kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.	5
Khutbah pada hari ini menjurus kepada penyelesaian permasalahan dadah dengan tajuk " <b>Keluarga Bebas Dadah</b> ".	6
<b>Hadirin yang dirahmati Allah,</b>  Hari ini kita mendepani permasalahan sosial yang semakin lama semakin membimbangkan. Antara perkara yang menyumbang kepada permasalahan ini adalah penyalahgunaan dadah. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan sehingga tahun 2020, terdapat lebih 140 ribu orang penagih dadah direkodkan dan hampir 80 peratus terdiri mereka yang beragama Islam.	7



<p>Kerajaan membelanjakan ratusan juta ringgit untuk menangani permasalahan ini termasuklah dengan membina pusat-pusat pemulihan serta menggalakkan penubuhan Pusat Pemulihan Persendirian di samping menjalankan kempen pendidikan pencegahan dan kesedaran kepada orang ramai. Namun, usaha-usaha ini belum membuahkan hasil yang boleh dibanggakan.</p>	8
<p><b>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</b></p> <p>Banyak kajian menunjukkan berlaku penyalahgunaan dadah berpunca daripada institusi kekeluargaan yang tidak harmoni dan porak peranda.</p>	9
<p>Andai perkara ini berterusan, maruah dan nama baik keluarga akan jatuh. Keluarga akan terbeban kerana terpaksa menanggung perbelanjaan rawatan bahkan menghabiskan banyak masa dan tenaga untuk menjaganya. Akhirnya berlakulah perceraian dan keganasan dalam rumah tangga yang menyebabkan anak-anak terabai hingga mengundang permasalahan sosial kepada mereka pula.</p>	9
<p>Kesan yang lebih teruk lagi adalah ketenteraman awam akan terancam dengan kejadian jenayah seperti rompakan dan samun. Perpaduan, kemajuan dan pembangunan masyarakat akan terjejas akibat penglibatan remaja dan belia dengan dadah. Malah mencetuskan persengketaan dan perselisihan antara anggota masyarakat.</p>	10



<p>Walaupun bagaimanapun masih belum terlambat untuk keluarga bertindak bagi mengatasinya dengan membebaskan setiap ahli keluarga dari terjebak dalam gejala najis dadah. Dengan itu, antara langkah-langkah penting yang perlu kita ambil perhatian adalah:</p> <p><b>Pertama:</b> Memperkukuhkan pegangan akidah, syariah dan akhlak Islam dalam keluarga yang pasti dapat menghindarkan seseorang daripada gejala yang tidak sihat. Ini kerana iman, amal ibadah dan akhlak mulia yang diamalkan akan dikurniakan kehidupan dan pahala yang lebih baik oleh Allah SWT sebagaimana janji Allah SWT</p>	11
<p>melalui firmanNya dalam surah An-Nahl ayat 97:</p> <p>مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾</p>	12
<p>"Sesiapa yang beramal salih, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan."</p>	13
<p>Sesungguhnya Allah SWT juga menjanjikan bahawa segala perkara keji dan mungkar di dunia ini akan dapat dicegah sepenuhnya jika amalan membaca al-Quran, mendirikan solat dan mengingati Allah dilaksanakan dengan sempurna. Ini kerana amalan-amalan ini pasti memberikan faedah besar dan kesan baik yang amat ketara dalam membendung permasalahan sosial termasuk penyalahgunaan dadah.</p>	14




<p>Firman Allah dalam surah Al-Ankabut ayat 45,</p> <p>أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾</p>	15
<p>"Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan."</p>	16
<p><b>Kedua:</b> Menjalinkan hubungan baik antara ahli keluarga dan masyarakat. Sikap ambil kisah dan peduli dengan permasalahan sosial seperti dadah perlu diperkukuhkan. Tindakan segera yang sewajarnya seperti menasihati dan melaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab hendaklah dilakukan.</p>	17
<p>Rasulullah SAW bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Said Al-Khudri Radhiallahu Anhu:</p> <p>مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ.</p>	18
<p>"Sesiapa di kalangan kamu yang melihat kemungkaran hendaklah dia mengubahnya dengan tangan (kuasa), sekiranya dia tidak mampu hendaklah mengubahnya dengan lidah (nasihat), sekiranya tidak mampu hendaklah dia mengubah dengan hati (membencinya) dan mengubah dengan hati adalah selemah-lemah iman".</p> <p>(Riwayat Muslim)</p>	19



<p><b>Ketiga:</b> Ibubapa hendaklah sentiasa prihatin membentuk keperibadian anak-anak melalui pendidikan Islam. Ini kerana Islam memberikan panduan yang sempurna dan lengkap dalam mendidik anak-anak dari kecil lagi supaya mereka terpelihara daripada anasir yang tidak baik.</p>	20
<p>Hadith yang diriwayatkan oleh Amru bin Syuaib dari ayah dan datuknya, bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاضْرِبُوهُمْ عَلَمًا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ، وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ.</p>	21
<p>“Suruhlah anak-anak kamu supaya mendirikan sembahyang ketika berusia tujuh tahun dan pukullah mereka kerana meninggalkan sembahyang ketika berumur sepuluh tahun dan asingkanlah tempat tidur di antara mereka (lelaki dan perempuan).”</p> <p>(Riwayat Abu Daud).</p>	22
<p><b>Keempat:</b> Ibubapa juga hendaklah menjadi contoh yang baik dalam tuturkata dan tingkahlaku serta sentiasa berdoa agar Allah memelihara ahli keluarga dan menganugerahkan zuriat keturunan yang baik.</p>	23
<p>Antara doa yang dianjurkan sebagaimana Allah SWT berfirman di dalam Surah al-Furqan ayat 74:</p> <p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا ذُرِّيَّتَنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ</p> <p>إِمَامًا ٧٤</p>	24




<p>“Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertakwa”.</p>	25
<p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Mengakhiri khutbah, antara penghayatan yang boleh dijadikan pedoman melalui khutbah pada hari ini ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa berpegang kepada akidah, syariah dan akhlak Islam adalah asas pembentukan keluarga yang baik, bahagia dan bebas dari dadah.</li><li>2. Umat Islam hendaklah berperanan dan saling bekerjasama di dalam menyelesaikan permasalahan dadah demi melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera.</li><li>3. Setiap ketua keluarga hendaklah bertanggungjawab memelihara diri dan ahli keluarganya daripada azab seksa api neraka di hari akhirat nanti dengan beriman kepada Allah SWT, beramal solih dan berakhlak mulia.</li></ol>	26
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p>يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ</p> <p style="text-align: right;"></p>	27



<p>“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan”.</p> <p>(Al-Tahrim : 6)</p>	28
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	29
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	30



## KHUTBAH KEDUA


<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا </p>	3
<p><b>Hadirin yang berbahagia,</b></p> <p>Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang sahih. Umat Islam hendaklah bersatu hati menghadapi persekitaran, ideologi songsang dan ancaman musuh-musuh Islam.</p>	4
<p>Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling asas ke arah pembinaan ummah yang berramaruah berwibawa dan cemerlang. Bersatulah dengan semangat kalimah tauhid, لا إله إلا الله, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta Qudwah Rasulullah SAW.</p>	
<p>Statistik Covid-19 di Selangor yang tinggi memerlukan kepatuhan yang tinggi juga terhadap ketetapan SOP utama, SOP JAIS dalam mencegah penularan dan kawalan sendiri masing-masing dalam situasi yang sukar ini. Tingkatkan keyakinan kepada Allah SWT, mengesakan-Nya dan menyucikan-Nya serta bertaubatlah.</p>	





<p>Renungkanlah kesalahan lalu masing-masing sehingga Allah SWT manghantar bala dan musibah ini. Bukan sibuk membuat tohmahan, memfitnah atau menyalahkan pihak-pihak yang sedang berusaha keras menghadapi keadaan ini.</p>	
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	5
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،</p>	6
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَغُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.</p>	7
<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالنُّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَغُورِ، تَعَكُّو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ</p>	8
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p> <p>Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.</p>	10



<p>اللَّهُمَّ يَا دافعَ البلاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الوَبَاءَ وَالبَلاءَ وَالمَرَضَ وَالشَّدائِدَ وَالمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَي كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالإِجابَةِ جَدِيرٌ.</p>	11
	12
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالإِحْسَنِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠٦﴾</p>	13
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ العَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ ۗ إِنَّ نِعْمَةَ رَبِّكُمْ إِذْ أَنزَلَ عَلَيْكُمْ المَّاءَ لِيَشْرَبَ بِهِنَّ وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	14